



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KUSKOP SAMBUT BAIK PENGUMUMAN KEMUDAHAN KHAS BNM UNTUK PMKS BERNILAI RM5 BILION OLEH YAB PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 23 APRIL – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan MADANI menerusi pengumuman YAB Perdana Menteri berhubung satu lagi kemudahan khas di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM5 bilion bagi membantu PMKS mendepani krisis bekalan global.

Inisiatif strategik ini diumumkan hanya sehari selepas YAB Perdana Menteri mengumumkan tiga langkah bagi membantu PMKS, termasuk jaminan pembiayaan RM5 bilion melalui Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan berhad (SJPP). Secara keseluruhan, pakej sokongan kepada PMKS kini bernilai RM10 bilion.

Sektor PMKS menyumbang hampir 40% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta memberi peluang pekerjaan kepada lebih 8.1 juta pekerja di negara ini. Memandangkan sektor ini paling terdedah kepada risiko ekonomi, suntikan dana ini berfungsi sebagai 'perisai ekonomi' untuk memastikan usahawan tempatan bukan sahaja mampu bertahan malah kekal kompetitif di peringkat antarabangsa.

Sinergi sokongan Kerajaan dan daya usaha usahawan akan memastikan sektor PMKS terus menjadi pemacu utama ekonomi negara sekali gus menjamin kestabilan rantaian bekalan dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

KUSKOP akan terus memperkukuh usaha ini melalui pendekatan ABCD iaitu Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal dan Daya Akses Pasaran.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
23 APRIL 2026